

Rujukan Kami : JPNS.SPM 600-3/5/19 Jld.11 (07)

Tarikh : 31 Mac 2023

Puan Norhana Hamim  
Pegarah  
Jabatan Program  
Petrosains, The Discovery Center  
Petrosains Sdn. Bhd.  
Tingkat 4 Suria KLCC  
Menara Berkembar Petronas  
50088 Kuala Lumpur

Puan,



### MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID BAGI MENYERTA PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2023

Dengan segala hormatnya surat daripada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan nombor rujukan KPM.600-12/1/4 Jld. 38 (43) bertarikh 23 Februari 2023 dan surat daripada pihak puan bertarikh 16 Mac 2023 dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, bahawa JPN Selangor telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas. Pihak JPN Selangor mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Selangor ambil maklum dan **tiada halangan** bagi penganjuran dan penglibatan guru dan murid bagi menyertai **Petrosains RBTX Challenge 2023 pada 18 Mei 2023 hingga 26 Oktober 2023 sahaja**. Surat ini perlu dibaca bersama Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7.1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 3.1 pihak penganjur hendaklah mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah yang berkenaan;
- 3.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada guru besar/ pengetua sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/ penjaga;
- 3.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;



**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID BAGI MENYERTA PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2023**

JPNS.SPM 600-3/5/19 Jld.11 (07)

31 Mac 2023

- 3.6 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/ Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)/ program/ aktiviti sekolah;
- 3.7 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/ gegantung/ hebahan digital/ sijil** untuk semakan JPN dan BSKK sebelum diedarkan;
- 3.8 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.9 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 3.10 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat. (SPI Bil.5/2018);
- 3.11 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.12 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;**
- 3.13 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/ surat sokongan permohonan penganjuran program ini;**
- 3.14 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/ semasa/ selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (seperti pemupukan integrity, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain);
- 3.15 bagi tujuan **pengiktirafan program**, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti lampiran A) kepada Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;**

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID BAGI MENYERTA PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2023**

JPNS.SPM 600-3/5/19 Jld.11 (07)

31 Mac 2023

- 3.16 pihak penganjur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima seperti lampiran B)** kepada pihak JPN Selangor dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 3.17 JPN Selangor berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

4. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk **penganjuran dan penglibatan guru dan murid bagi menyertai Petrosains RBTX Challenge 2023 pada 18 Mei 2023 hingga 26 Oktober 2023 sahaja**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada **Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor**.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, sila hubungi **Encik Ahmad Faiz bin Ismail @ Ibrahim**, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor melalui talian **03-55138242 / emel: (ahmad.faiz@moe.gov.my)**.

Kerjasama dan keprihatinan Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ROHAYATI BINTI ABD HAMED)**  
Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

s.k. 1.Pegawai Pendidikan Daerah,  
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Selangor.

LAMPIRAN A

LAPORAN  
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)

- 1.0 Nama Aktiviti / Program :  
 2.0 Tarikh Pelaksanaan :  
 3.0 Mod Pelaksanaan :  
 4.0 Penyertaan (Jantina/Bangsa) :

BIL.	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	PERINGKAT : DAERAH / NEGERI / KEBANGSAAN / ANTARABANGSA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti :  
 6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan : (\*\*Jika berkaitan)  
 7.0 Tetamu Kehormat (VIP) : (\*\*Jika berkaitan)  
 8.0 Pemenang : (\*\*Jika berkaitan)

KATEGORI PERTANDINGAN					
Kedudukan	Nama Murid	ID Murid	Sekolah	Kod Sekolah	JPN
Pertama					
Kedua					
Ketiga					
Keempat					
Kelima					

- 9.0 Isu dan Cabaran :  
 10.0 Elemen 'Human Governance' yang dilaksanakan:  
 11.0 Cadangan penambahbaikan :  
 12.0 Gambar :

Disediakan oleh :

Tarikh :

CONTOH SURAT SETUJU TERIMA

---

Rujukan Puan :  
Rujukan Kami :  
Tarikh :

Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor  
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4  
40604 Shah Alam,  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

Puan,

**SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN  
PENGLIBATAN MURID DALAM (NAMA PROGRAM)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Jabatan Pendidikan Negeri Selangor bernombor rujukan XXXXXXXX bertarikh XXXXXX adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak (nama agensi penganjur) mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan / menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan / tajaan program / aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 4.1 hingga 4.16 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam (nama program) mulai XXXXX hingga XXXXX.

3. Pihak (nama agensi penganjur) akan mengemukakan **satu salinan laporan program** yang dilaksanakan kepada JPN Selangor **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program** bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak Puan boleh menghubungi (nama pegawai) di talian (nombor telefon bimbit) atau (e-mel).

Perhatian dan kerjasama pihak Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....  
(nama )  
Jawatan